

**Punch Gunalan Banyak Berjasa Dalam Pembangunan Badminton Negara - Tun Dr Siti Hasmah Bernama
15 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 15 Ogos (Bernama) -- Bekas penaung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyifatkan kematian bekas jaguh badminton Datuk Punch Gunalan sebagai satu kehilangan besar kerana beliau banyak berjasa dalam membangunkan sukan badminton negara sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sedih dengan pemergian tokoh badminton itu, beliau berkata sumbangan Gunalan bukan setakat mengharumkan nama negara dengan memenangi kejohanan badminton termasuk di peringkat antarabangsa, tetapi juga dalam membimbing pemain-pemain untuk meneruskan kesinambungan kecemerlangan negara dalam sukan itu.

"Kematian Datuk Punch Gunalan adalah satu kehilangan dan kita sepatutnya berterima kasih kepada beliau. Beliau ada kelemahan namun beliau sentiasa berusaha membangunkan sukan badminton negara," katanya kepada pemberita di sini pada Rabu.

Punch Gunalan, 68, meninggal dunia di Pusat Perubatan Sime Darby Subang Jaya jam 6.20 pagi ini akibat barah, setelah terlantar sakit tenat sejak dua minggu lepas.

Mendiang meninggalkan seorang isteri P.Vijeyakumari, 64, dan seorang anak lelaki Roshan Gunalan, 36, yang kini merupakan seorang doktor ortopedik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688382>